

**GARIS PANDUAN OPERASI
PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)
DI RUMAH IBADAT**

KANDUNGAN

Pengenalan

Objektif

Mod Operasi Vaksinasi

Aliran Operasi Vaksinasi dan Fungsi Stesen

Fungsi Agensi Kerajaan yang Terlibat

Kriteria Pemilihan Rumah Ibadat sebagai Pusat Pemberian Vaksin

Persediaan Pembukaan PPV di Rumah Ibadat

Kriteria Pemilihan Penerima Vaksin di PPV Rumah Ibadat

Carta Alir Proses Pemilihan PPV Rumah Ibadat

Rujukan

PENGENALAN

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) diwujudkan sebagai salah satu kaedah penyampaian vaksin kepada masyarakat untuk mengawal pandemik COVID-19. Vaksin adalah antara cara yang terbaik untuk melindungi masyarakat daripada COVID-19 melalui imuniti kelompok (*herd immunity*).

Menurut World Health Organisation (WHO), dianggarkan 60% hingga 70% populasi dunia perlu mempunyai daya tahan terhadap COVID-19 bagi membolehkan imuniti kelompok tercapai dan penularan COVID-19 dapat dikawal. Malaysia mensasarkan 80% rakyatnya menerima suntikan vaksin untuk mencapai imuniti kelompok sebelum akhir tahun 2021.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah memacu PICK dengan mewujudkan pelbagai kaedah pelaksanaan pemberian vaksin bagi membendung risiko COVID-19. Pelaksanaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mod bergerak (*mobile*), pandu lalu (*drive-through*) dan luar bandar (*outreach*) merupakan inisiatif bersasar dengan memberi tumpuan kepada penduduk kawasan luar bandar dan pedalaman yang mempunyai kesukaran menghadiri janji temu di PPV. Inisiatif tambahan diperkenalkan dengan menggunakan rumah ibadat (cth: masjid, gereja dan tokong) sebagai perantara untuk memudahkan masyarakat menerima vaksin COVID-19.

Garis panduan ini dibangunkan untuk menjadi rujukan semua pihak berwajib dalam menjalankan operasi vaksinasi di rumah-rumah ibadat yang telah dikenal pasti oleh pihak berkuasa. Semoga usaha mencegah wabak demi mencapai imuniti kelompok untuk diambil serius oleh semua pihak demi memelihara kesinambungan generasi dan kelangsungan umat manusia.

OBJEKTIF

Pusat pemberian vaksin (PPV) di rumah ibadat (cth: masjid, tokong, gereja) bertujuan memudahkan masyarakat di kawasan luar bandar menerima vaksin sekaligus meningkatkan perlindungan imuniti secara berkelompok (melalui kesedaran dan sokongan terhadap kepentingan vaksinasi dengan melibatkan ketua penduduk setempat, serta ketua dan ahli jawatankuasa rumah ibadat).

Oleh kerana rumah ibadat merupakan sebuah bangunan yang berbeza daripada bangunan biasa yang mempunyai martabat sebagai tempat suci, jadi pelaksanaan vaksinasi di rumah ibadat perlu diselia bersama peraturan dan adab-adab keberadaan di rumah ibadat tersebut bagi memastikan fungsinya sebagai pusat masyarakat dapat dipelihara.


MOD OPERASI VAKSINASI

Pelaksanaan PPV rumah ibadat **mesti** dijalankan berdasarkan kelulusan pihak berkuasa (cth: Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Negeri, Pejabat Daerah, Jabatan Kesihatan negeri, CITF negeri, Jabatan Perpaduan Negara). Pembukaan PPV rumah ibadat boleh melalui salah satu daripada tiga mod pelaksanaan iaitu PPV bergerak, PPV pandu lalu atau PPV statik (berdasarkan keutamaan seperti di Jadual 1).

Jadual 1: Pilihan Pelaksanaan Mod PPV Rumah Ibadat

Mod PPV	Penerangan
PPV bergerak (<i>mobile vehicle</i>)	Penggunaan kenderaan yang bersesuaian (cth: bas, treler, van) serta sebahagian kawasan rumah ibadat atau khemah bagi operasi stesen-stesen berkaitan bagi tujuan pemberian vaksin.
PPV pandu lalu (<i>drive-through</i>)	Penggunaan kawasan berteduh di sekeliling bangunan rumah ibadat beserta khemah bagi membolehkan penerima vaksin memandu melepasi stesen-stesen berkaitan operasi pemberian vaksin.
PPV statik (<i>indoor</i>)	Penggunaan kawasan di dalam bangunan rumah ibadat bagi operasi stesen-stesen berkaitan bagi tujuan pemberian vaksin.

ALIRAN OPERASI VAKSINASI DAN FUNGSI STESEN



Sila baca bersama garis panduan yang dikeluarkan KKM bagi pembukaan PPV statik dan garis panduan pembukaan PPV Pandu Lalu dan Bergerak yang diluluskan oleh CITF.

PERANAN AGENSI YANG TERLIBAT BAGI PPV RUMAH IBADAT

1. CITF PUSAT

- Memperinci penyelarasan bidang tugas, struktur kerja dan perancangan keseluruhan PICK
- Memantau dan memastikan keseragaman semua pengoperasian PPV
- Sekretariat membuat laporan kepada jawatankuasa
- Jawatankuasa membuat laporan kepada Jemaah Menteri

2. CITF NEGERI

- Memberi khidmat nasihat mengenai pembukaan dan operasi PPV
- Memastikan kakitangan dan sukarelawan yang terlibat di PPV diberi latihan berkenaan pengendalian operasi PPV
- Membantu menguruskan pelaporan operasi vaksinasi di PPV
- Melaporkan kepada CITF persekutuan berkaitan operasi di PPV

3. JABATAN HAL EHWAL AGAMA / JABATAN PERPADUAN NEGARA

- Melantik pegawai atau wakil daripada rumah ibadat bagi membantu perancangan, pelaksanaan, pengendalian dan pemantauan vaksinasi di rumah ibadat
- Membantu urusan yang melibatkan pihak pengurusan dan kariah rumah ibadat
- Membuat pemilihan rumah ibadat yang bersesuaian untuk pembukaan PPV.

4. MAJLIS AGAMA NEGERI

- Membantu dalam skop kewangan terutama penerima vaksin yang tergolong dalam kategori asnaf fakir dan miskin
- Menjalankan penyeliaan dan pelaksanaan program vaksinasi melibatkan PPV rumah ibadat.

KRITERIA PEMILIHAN RUMAH IBADAT SEBAGAI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN

Dilaksanakan di lokaliti rumah ibadat yang telah dinilai risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Agama Negeri/Majlis Perpaduan Negara, dan merangkumi kriteria berikut:

1. Mempunyai kerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah dan Majlis Agama Negeri/Jabatan Perpaduan Negeri
2. Lokasi berdasarkan penetapan oleh PKD (bagi mengelak pertindanan dengan operasi PPV sedia ada dan mengenal pasti sasaran penerima vaksin berfokus)
3. Berdekatan dengan fasiliti kesihatan (dalam 30 minit perjalanan sekiranya berlaku kecemasan)
4. Tidak melibatkan rumah ibadat yang berada di zon Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau terdapat kluster yang aktif berdekatan
5. Rumah ibadat mempunyai pekarangan yang luas untuk tujuan operasi

vaksinasi, parkir kereta penerima vaksin serta tidak mengganggu laluan lalu-lintas sedia ada.

6. Terdapat bangunan tambahan dan mempunyai bangunan/ruangan berasingan dari bangunan utama untuk operasi vaksinasi.
7. Tidak menggunakan ruang ibadat. Aliran pergerakan penerima vaksin yang teratur dan kondusif.

PERSEDIAAN PEMBUKAAN PPV RUMAH IBADAT

Pihak penganjur perlu menjalankan aktiviti berikut sebagai persediaan pembukaan PPV.

1. Mendapat kelulusan pihak berkuasa dan membuat persiapan operasi vaksinasi berdasarkan kumpulan sasaran, tempoh, lokasi dan julat bilangan dos vaksinasi
2. Berurusan dengan CITF negeri bagi mendapatkan bekalan vaksin yang mencukupi
3. Menyediakan tenaga kerja perubatan dan bukan perubatan (termasuk sukarelawan) yang terlatih (latihan disampaikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia)
4. Keutamaan diberi kepada petugas yang telah menerima suntikan vaksinasi.
5. Memastikan aliran dan fungsi stesen bagi operasi vaksinasi di PPV rumah ibadat mengikut SOP yang telah ditetapkan
6. Mengawal bilangan kehadiran penerima vaksin dalam sesuatu masa mengikut keluasan ruang berdasarkan SOP penjarakan fizikal
7. Memastikan tenaga kerja dan penerima vaksin mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh KKM (memakai pelitup muka, mematuhi penjarakan fizikal, memastikan pendaftaran di aplikasi MySejahtera dilakukan)
8. Waktu operasi PPV tertakluk kepada kelulusan yang ditetapkan
9. Bagi operasi di masjid, cadangan waktu operasi adalah seperti berikut:

Sesi pagi

8.00 pagi hingga 1.00 tengahari

Waktu rehat dan solat Zuhur

1.00 tengahari hingga 2.00 petang

Sesi petang

2.00 petang hingga 4.00 petang

Nota: Pihak penganjur perlu mengikut kesesuaian waktu solat semasa di setiap negeri. Sekiranya masih ada suntikan yang perlu dijalankan selepas pukul 4.00 petang, pihak masjid harus berhenti seketika dahulu untuk menghormati azan Asar sebelum meneruskan operasi.

KRITERIA PEMILIHAN PENERIMA VAKSIN DI PPV RUMAH IBADAT

1. Senarai penerima vaksin terdiri dari ahli jawatankuasa rumah ibadat dan masyarakat setempat dalam lingkungan 5 km dari lokasi rumah ibadat yang terpilih.
2. Penerima vaksin yang berpenyakit kronik, hendaklah melalui penilaian sebelum vaksin (pre-vaccine assessment) di klinik kesihatan yang berhampiran dan perlu dikategorikan sebagai berisiko rendah.
3. Bagi penerima vaksin wanita, haruslah mereka yang tidak mengandung.
4. Bagi mereka yang berisiko jangkitan COVID-19 atau berada dalam tempoh kuarantin, tidak dibenarkan utk menghadiri program PPV masjid ini.
5. Bagi mereka yang mempunyai sejarah alahan, hanya mereka yg dikategori berisiko rendah yang dibenarkan menghadiri program PPV masjid dan memerlukan tempoh pemerhatian selepas vaksinasi yang lebih panjang.

TATACARA/ADAB UMUM DI KAWASAN RUMAH IBADAT

Kumpulan pengurusan PPV rumah ibadat perlu memastikan kakitangan operasi vaksinasi dan penerima vaksin (termasuk yang beragama Islam dan bukan beragama Islam) untuk sentiasa menjaga adab dan mematuhi tatacara di kawasan rumah ibadat seperti yang tertera di bawah:

1. Mematuhi peraturan di rumah ibadat tersebut
2. Sentiasa menjaga kebersihan dan memastikan diri sentiasa dalam keadaan bersih daripada sebarang najis.
3. Hendaklah menjaga tatatertib dan merendahkan suara bagi menghormati kawasan rumah ibadat.
4. Hendaklah berpakaian yang sesuai dan sopan.
5. Tidak melakukan aktiviti atau upacara yang bercanggah dengan rumah ibadat tersebut.
6. Tidak dibenarkan memasuki ruang ibadat utama kecuali bagi tujuan mengerjakan ibadat.
7. Bilik suntikan, stesen pemerhatian dan mana-mana bilik tertutup perlu disanitasi sekurang-kurangnya 2 kali sehari.

TATACARA KHAS DI KAWASAN RUMAH IBADAT

Setiap rumah ibadat mempunyai tatacara khas yang berbeza bergantung kepada ajaran dan upacara amalan masing-masing.

Sekiranya rumah ibadat tersebut adalah masjid



- ✓ Mengasingkan penerima suntikan vaksin mengikut jantina bagi stesen suntikan vaksinasi, stesen pemerhatian dan bilik rawatan (cth: menggunakan tirai atau ruang khusus).
- ✓ Tidak dibenarkan membawa binatang peliharaan
- ✓ Hendaklah berpakaian menutup aurat.
- ✓ Hendaklah menangguhkan operasi vaksinasi ketika azan dilaungkan

Sekiranya rumah ibadat tersebut adalah gereja



- ✓ Hendaklah menangguhkan operasi vaksinasi ketika hari dan waktu beribadat (contoh ahad bagi gereja)
- ✓ Tidak dibenarkan membawa daging khinzir bagi menghormati orang lain yang hadir
- ✓ Hendaklah berpakaian sopan

Sekiranya rumah ibadat tersebut adalah kuil Hindu



- ✓ Hanya Makanan 'Vegetarian' dibenarkan dalam kawasan rumah ibadat bagi menghormati golongan vegetarian
- ✓ Hendaklah menangguhkan operasi vaksinasi ketika waktu beribadat
- ✓ Tidak dibenarkan membawa binatang peliharaan
- ✓ Hendaklah berpakaian sopan, menutup bahu dan lutut.


Sekiranya rumah ibadat tersebut adalah kuil Buddha



- ✓ Hendaklah berpakaian sopan, menutup bahu dan lutut.
- ✓ Tidak dibenarkan membawa makanan berdaging bagi menghormati golongan vegetarian

Nota: Bagi rumah ibadat yang tidak dinyatakan, adalah menjadi kewajipan bagi pihak penganjur untuk memastikan petugas serta penerima vaksin mematuhi tatacara khas yang telah ditetapkan pihak rumah ibadat

CARTA ALIR PROSES PEMILIHAN PPV RUMAH IBADAT



Dikemaskini pada 28 Jun 2021

PENGHARGAAN

Akademi Sains Malaysia telah mengenalpasti dan membuat garis panduan ini dengan kerjasama daripada CITF Negeri, agensi dan kementerian berkaitan dengan pemantauan daripada CITF Pusat.

Kami ingin membantu organisasi yang berminat untuk membuka PPV di rumah ibadat mempunyai panduan yang terbaik bagi memudahkan proses, meningkatkan kecekapan dan keselamatan di rumah ibadat. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada organisasi dan individu berikut atas sokongan mereka dalam berkongsi data dan juga atas sumbangan mereka dalam pembangunan garis panduan:

Prof. Dr. Mohd Afandi bin Salleh
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA)

Prof. Dr. Harmy Bin Mohamed Yusoff
Dekan, Fakulti Perubatan, UniSZA

Dr. Wan Mohd Razin Bin Wan Hassan
Ketua Bahagian Kesihatan Pelajar
Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar, UniSZA

Archbishop Julian Leow Beng Kim
Chairman of Christian Federation of Malaysia

Xavier Andrew
Father, Church of the Visitation Seremban

Siva Rajan Gopalan
Admin Officer
Kuil Om Sivanalayam, Seremban

PENGHARGAAN

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Pertubuhan Perubatan Amal Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA)

Hospital Melaka

Christian Federation of Malaysia

Church of the Visitation Seremban

Jabatan Perpaduan Negeri Sembilan

RUJUKAN

1. Kertas Kerja Program Outreach PPV MASJID MOSTI-JKNT-MAIDAM-JHEAT bersama PAPISMA Terengganu 2021
2. <http://www.ukm.my/jcil/wp-content/uploads/2020/12/JCIL-2020-52-Article-5.pdf>
3. <http://masjid.islam.gov.my/stmCMS/tmp/GP%20PELANCONGAN.pdf>